

Thongchai pendahulu pusingan kedua

BINTANG Thailand, Thongchai Jaidee memecah rekod lapangan dan muncul pendahulu selepas tamat pusingan kedua Worldwide Masters Selangor yang terganggu kerana hujan di Kelab Golf Seri Selangor, semalam.

Catatan 8 bawah 63 pada pusingan kedua itu membolehkan juara dua kali Jelajah Asia itu selesa mendahului dengan 9 bawah 133, tiga pukulan di depan empat pemain termasuk dua wakil negara, iaitu Steel dan Ben Leong serta Adam Blyth (Australia) dan Chawalit Plaphol (Thailand).

Thongchai melakukan satu eagle, tujuh birdie dan hanya satu bogey tatkala Ben Leong mengekori dengan 65 pukulan manakala Steel bangkit daripada double bogey dengan 68, semalam.

Begitupun, hujan lebat pada jam 1.40 tengah hari memaksa pegawai kejohanan menunda permainan ke jam 4.15 petang dengan hanya 58 pemain dapat melengkapkan pusingan kedua manakala baki pemain akan turun lebih awal bagi menyambung permainan hari ini.

Pendahulu pusingan pertama dari Thailand, Chinnarat Phadungsil yang mencatat 64 pukulan kelmarin, adalah antara yang gagal menamatkan permainan.